



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 18 JULAI 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	ISU AYAM: IBARAT 'GALI LUBANG, KAMBUS LUBANG?', DALAM NEGERI, UM -3	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	RADZI: TRANSFERRING LAND OWNERSHIP WILL EASE PLANNING, NATION, THE STAR -2	LAIN-LAIN
3.	SARAWAK PLANS TO BE NET AGRICULTURE EXPORTER, BUSINESS, NST -13	
4.	PASAR ORANG ASLI JUAL HASIL LAUT MURAH, NASIONAL, BH -16	
5.	'HUB TERNAKAN' PENGELUARAN DAING NEGARA, TERENGGANU, HAKAH -H23	
6.	SINI 2 KILO KERANG HANYA RM15, LOKAL, HM -18	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/7/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	3

Isu ayam: Ibarat 'gali lubang, kambus lubang'?

Oleh FAHMI FAIZ
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Tindakan membenarkan syarikat gergasi mengekspor ayam sejuk beku ke Singapura tetapi pada masa sama terpaksa mengimport dari Thailand ibarat 'gali lubang, kambus lubang' berhubung sekatan jualan ke negara jiran itu sebelum ini.

Sumber dalam industri berkata, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bertanggungjawab memberi penjelasan kerana pihaknya mengesyaki terdapat percaturan di sebalik sekatan itu yang bertujuan menguntungkan kartel ayam di negara ini.

"MAFI harus jujur menjelaskan kepada rakyat, pertama sekali apakah yang dimaksudkan sebagai sekatan eksport ayam ke Singapura yang berkuatkuasa 1 Jun lalu? Ayam jenis apakah yang dilarang diekspor ke sana?"

"Kalau ayam hidup, apakah jaminan bahawa syarikat gergasi yang sekarang mengekspor ayam sejuk beku sebagai alternatif, mereka ini tidak memanipulasi kelompongan dalam rantaian bekalan tersebut? Maksudnya, mereka boleh saja sembelih ayam hari ini, bekukan dan dua hari kemudian, mereka eksport ayam terse-



BUAT masa ini eksport ayam ke Singapura dihentikan sementara bagi membolehkan kerajaan memastikan bekalan dalam negara mencukupi sekali gus menstabilkan harganya. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

but ke Singapura," kata sumber.

Sumber yang juga antara arkitek penubuhan Federasi Ternakan Ayam yang ditubuhkan baru-baru ini berkata, jika matlamat menghentikan sementara eksport ayam kerana mahu memerangi kartel yang berterusan mengeksploitasi bekalan dan pasaran ayam, maka langkah itu dilihat gagal kerana syarikat gergasi industri masih menguasai bekalan eksport ayam sejuk beku ke Singapura.

"Kononnya serius mahu memerangi kartel. Tapi realitinya, kartel berjaya mencaturkan dengan mengelirukan rakyat.

"Mereka beri alasan sektor ternakan ayam di bawah mereka terjejas sebab tak boleh eksport ayam ke Singapura sedangkan banyak modal dikeluarkan. Tapi di belakang tabir kartel itu sendiri masih berterusan diberi kelonggaran eksport ayam sejuk beku pula ke Singapura," dakwa sumber.

Malah sumber mendakwa, pihaknya difahamkan susulan mengekspor ayam beku ke Singapura, negara terpaksa pula mengisi kekosongan mengimport ayam beku dari Thailand.

"Bukankah ini dikatakan gali lubang, kambus lubang? Bukankah ini merugikan negara? Jelas sekali, kita kerugian dari segi tukaran asing kerana bayaran ayam beku meskipun dari Thailand, tetap dalam dolar Amerika Syarikat," katanya.

Radzi: Transferring land ownership will ease planning

BELURAN: The Education Ministry is serious in implementing the legalisation or ownership transfer of school land from state governments to the Lands and Mines Director-General Department (JKPTG) to ease future planning of school infrastructure, says Datuk Dr Mohd Radzi Jidin.

The minister said the main factors causing efforts to upgrade schools, especially with dilapidated buildings, to be hindered were related to the status of school land.

"There are instances where the school site is not owned by JKPTG, so new construction efforts cannot be implemented.

"We are serious, and are discussing with state governments so that the legalisation can be done quickly," he told Bernama after attending the Beluran district-level Teachers Day celebrations here yesterday.

Mohd Radzi said since he became the Education Minister, the amount of school land that had been successfully legalised had increased.

He said Sabah and Sarawak were among the states that had school land with unresolved ownership issues but did not state the amount involved. He also said schools in Felda settlements were among the



Working visit: Mohd Radzi (fourth from right) being briefed on SMK Beluran 1 by Beluran Education Officer Sharif Mahada Sharif Attar (left) during a visit to the school. Also present is Ronald (third from right). — Bernama

areas involved.

In conjunction with his two-day working visit to Beluran, Mohd Radzi announced an additional allocation of RM1mil to the Beluran Education Office to resolve outstanding issues that required immediate solutions to enable students in

the district to study in a more conducive and comfortable environment.

He also asked all district education officers to conduct school visits more frequently to identify the problems there and take immediate action to resolve it.

Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, who is also Beluran MP, said at the same event that if rural students were given the opportunity for a comprehensive education, they had the potential to do well in life.

BASIC ECONOMIC POLICY

Sarawak plans to be net agriculture exporter

KUCHING: The Sarawak government will formulate a basic economic policy to become a net exporter which will have a positive impact on the country's economy by 2030, said Premier Tan Sri Abang Johari Openg.

He said this policy would be in line with national economic and agricultural policies to ensure that Malaysia becomes a net food exporter.

"If we put in place the right agricultural policies, we can become a net exporter. Sarawak has vast land, cheap electricity and expertise.

"If Sarawak is capable (of implementing such a policy), the rest of Malaysia can too," he said when launching the National Anti-Drug Day and "Keluarga Malaysia Direct From Farm Sale" programme at Dataran Gedong.

Abang Johari said a mini satellite campus of Swinburne Sarawak University would be set up in Gedong, specifically for research and development related to padi and agriculture.

He said modern agricultural approaches should be implemented in the state to reduce dependence on imported products.

In another development, Abang Johari said the decision by the Indonesian government to suspend sending its citizens to work in Malaysia would not have a huge impact on the state if it only involved domestic helpers.

He said he was informed by the Indonesian Consul General in Sarawak, Raden Sigit Witjaksana, that discussions between Malaysia and the republic were on the breach of the terms in the domestic worker memorandum of understanding signed by the two countries. **Bernama**



Sarawak Premier Tan Sri Abang Johari Openg (centre) at a snack stall at the National Anti-Drug Day and 'Keluarga Malaysia Direct From Farm Sale' programme in Gedong near Kuching on Saturday.

BERNAMA PIC

Pasar Orang Asli jual hasil laut murah

Jobor Bahru: Harga murah dan hasil sungai serta laut yang segar menjadikan Pasar Pagi Orang Asli Bakar Batu di sini, menjadi tumpuan masyarakat setempat dan luar daerah ini.

Deretan kereta pengunjug di bahu jalan memenuhi kawasan pasar bersebelahan Sungai Tebrau ini sejak jam 7 pagi.

Tinjauan mendapati harga yang ditawarkan di situ amat berpatutan berbanding pasar biasa, selain hasil laut dan sungai yang amat segar.

Sebagai contoh, kerang-kerangan dijual RM15 bagi dua kilogram atau lebih berbanding RM15 sekilogram di pasar biasa.

Ikan dijual dalam piring atau bakul antara RM5 hingga RM10 sebekas bergantung jenis ikan.

Lebih menarik, hasil laut ini terus dijual sebaik sahaja ditangkap.

Seorang peniaga, S Kristina, 37 yang juga Orang Asli Seletar dari Kuala Masai berkata, hasil juluan di situ lebih murah dan segar kerana mereka sendiri turun ke laut, sebelum menjualnya.

Katanya, dia bersama suami dan anak ke laut sekitar Layau di Pengerang pada sebelah petang sehingga awal pagi.

“Balik dari laut terus jual di sini, kalau sampai awal jam 3 pagi, kami berehat dan tidur sebentar dalam bot.



Orang ramai dapatkan hasil laut segar di Pasar Pagi Orang Asli Bakar Batu, Johor Bahru. (Foto Omar Ahmad/BH)

“Hasil laut tidak menentu, ada masa dapat banyak, ada masa dapat sedikit. Selepas jualan habis kami pulang dan melakukan rutin sama esok hari,” katanya.

Tapak kurniaan Sultan Johor

Menurutnya, tapak pasar pagi itu kurniaan Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar kepada mereka untuk menjual hasil laut dan sungai.

Katanya, sebelum ini lebih 50 peniaga Orang Asli menjual hasil laut dan sungai di Stulang Laut sebelum berpindah di situ pada 2018.

“Di sini terdapat peniaga dari

sembilan kampung Orang Asli antaranya Kampung Kuala-Masai, Teluk Jawa, Pasir Putih, Telok Kabung, Tiram, Sungai Papan, Telok Sengat, Gelang Patah, Bakar Batu dan Perling.

“Sudah lebih 20 tahun kami menjual hasil laut. Lokasi ini kurniaan Sultan Johor kerana faktor keselamatan anak Orang Asli mengikut ke pasar.

“Kami memang ke laut membawa anak, berniaga di pasar pun anak ikut sama,” katanya

yang menjual tiram dan kupang.

Sementara itu, peniaga Murad Cat, 36, berharap kerajaan atau

bot dan enjin,” katanya.

pihak berkaitan dapat membantu mereka dari segi penambahbaikan peralatan.

Katanya, enjin dan bot fiber yang digunakannya sudah berusia, sekali gus menyukarkannya ke laut.

“Saiz bot gentian kaca sesuai untuk ke laut adalah lima meter, tetapi saya tidak mampu beli.

“Sekarang, saya hanya guna bot fiber terpakai empat meter. Dibeli beberapa tahun dulu.

“Anak hanya mencari hasil laut berdekatan dengan menggunakan sampan dan dayung kerana tidak mampu membeli bot dan enjin,” katanya.

Himpunan Lembu Sado Pantai Timur 2022

'Hub Ternakan' pengeluaran daging negara

Oleh **KHAIRUL AZLAM MOHAMAD**

SETIU: Himpunan Lembu Sado Pantai Timur 2022 telah melabuhkan tirai, setelah tiga 'berkampung' yang dihimpunkan daripada negeri-negeri pantai timur iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, seramai 114 ekor lembu sado dihimpunkan daripada tiga buah negeri pantai timur.

Antara katanya, lembu-lembu sado baka Charolais, Limousine, Balgium Bleu dengan berbagai kategori.

"Yang menghimpunkan seramai 114 ekor lembu daripada negeri-negeri pantai timur Kelantan, Terengganu dan Pahang.

"Himpunan lembu sado yang terbesar diadakan di Malaysia, dengan negeri Terengganu sebagai tuan rumahnya di Dataran Pekan Jabi, Setiu.

"Kita telah sempurnakan kesemua anugerah-anugerah di antaranya *King of Sado*, *Queen of Sado*, *Princess of Sado*, *Prince of Sado* dan Anugerah Lembu Paling Berat, Anugerah *Best of The Best*," ujarnya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Perastuan Penuutup Himpunan Lembu Sado Pantai Timur 2022 di Dataran Pekan Jabi, Setiu, 2 Julai lalu.

Harakah dimaklumkan, program ini diadakan kesinambungan daripada penganjuran Himpunan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Negeri Terengganu, baru-baru ini.

Dr Azman yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jabi, menjelaskan matlamat dari penganjuran himpunan lembu sado ini bukanlah kerana hadiah dan anugerah semata-mata.

"Matlamat daripada program pertandingan ini bukan



Kelibat sang juara lembu sado.



Dr Azman Ibrahim menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

kerana hadiah atau anugerah, tetapi lebih kepada satu medan himpunan penternak-penternak lembu sado daripada negeri-negeri pantai timur, yang datang daripada jauh semata-mata untuk menunjukkan kebersamaan kepada satu

hasrat besar kerajaan negeri Terengganu.

"Hasrat besar itu untuk hendak menjadikan negeri-negeri pantai timur ini sebagai 'Hub Ternakan' bagi kita meningkatkan SSL.



Antara yang hadir ke himpunan lembu sado.



Bersama pemenang utama lembu sado.



Dr Azman Ibrahim bersama pemilik lembu sado.

(Tahap Sara Diri) pengeluaran daging negara kita.

"InsyaAllah, tahun-tahun akan datang kita (kerajaan negeri) akan langunkan lagi program ini sebagai acara tahunan kita sempena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan," jelasnya.

Harakah dimaklumkan, hampir 10,000 pengunjung hadir menyertai program himpunan itu dengan jualan mencecah RM183,640.00 pada hari Jumaat lalu.

Pemenang Anugerah *Best of The Best King of Sado* dinobatkan kepada Muhammad Bakri Bukhari daripada Pahang, yang diberi nama 'Gomok' baka Charolais berumur empat tahun.

tujuh bulan.

Pemenang Anugerah *Best of The Best Queen of Sado* dan Pemenang Anugerah Khas Lembu Sado Betina terberat dimenangi oleh Mohd Sabri Al-Shaari dari Besut, yang diberi nama 'Mek Bulat' baka Charolais berumur empat tahun tujuh bulan seberat 806 kilogram.

Pemenang Anugerah Khas Lembu Sado Jantang terberat dimenangi oleh Mohamad Ikmal Shah Ismail daripada Kelantan, yang diberi nama 'Big Show' baka Charolais berumur empat tahun seberat 1055 kilogram.



SUASANA pasar pagi Orang Asli Bakar Batu di tepi Sungai Tebrau. - Gambar NSTP/OMAR AHMAD

PASAR PAGI ORANG ASLI BAKAR BATU

Sini 2 kilo kerang hanya RM15



PASAR pagi dapat sambutan penduduk Johor Bahru dan luar daerah.

Oleh Omar Ahmad
am@hmetro.com.my

Johor Bahru

Harga murah dan hasil sungai serta laut yang segar menjadikan Pasar Pagi Orang Asli Bakar Batu di sini, menjadi tumpuan masyarakat setempat dan luar daerah ini.

Deretan kereta pengunjung di bahu jalan mula memenuhi kawasan pasar yang terletak bersebelahan Sungai Tebrau ini sejak jam 7 pagi.

Tinjauan Harian Metro mendapati harga yang ditawarkan di situ amat berpatutan berbanding pasar biasa selain hasil laut dan sungai yang amat segar.

Sebagai contoh, harga kerang-kerang dijual pada harga RM15 bagi dua kilogram atau lebih berbanding RM15 sekglogram di pasar biasa.

Selain itu, ikan juga dijual di dalam piring atau bakul pada harga antara RM5 hingga RM10 sebekas bergantung pada jenis ikan.

Lebih menarik, hasil laut ini terus dijual sebaik sahaja ditangkap menyebabkan ia lebih segar dan sedap.

Seorang peniaga, S Kristina, 37 yang juga Orang Asli Seletar dari Kuala Masai berkata, hasil jualan di situ lebih murah dan segar kerana mereka sendiri yang turun ke laut, sebelum menjualnya.

Katanya, dia bersama suami dan anak-anak pergi



PENIAGA Orang Asli kebtasaan ke laut dan berniaga membawa anak mereka bersama-sama.

ke laut sekitar Layau di Pengerang pada sebelah petang sehingga awal pagi.

"Balik dari laut memang terus jual di sini; kalau sampai awal jam 3 pagi, kami akan berehat dan tidur sebentar di dalam bot.

"Hasil laut tidak menentu, ada masa dapat banyak, ada masa dapat sedikit. Setelah jualan habis kami akan terus pulang dan melakukan rutin sama keesokan harinya," katanya.

Menurutnya, tapak pasar pagi ini kurniaan Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar kepada mereka untuk menjual hasil laut dan sungai.

Katanya, sebelum ini lebih 50 peniaga Orang Asli menjual hasil laut dan sungai di Stulang Laut sebelum berpindah di situ pada 2018.

"Di sini terdapat peniaga dari sembilan kampung Orang Asli antaranya Kampung Kuala Masai, Teluk Jawa, Pasir Putih, Telok Kabung Tiram, Sungai Papan, Telok Sengat, Gelang Patah, Bakar Batu dan Perilng.

"Sudah lebih 20 tahun

kami berniaga menjual hasil laut. Lokasi ini kurniaan Sultan Johor kerana risiko faktor keselamatan anak-anak Orang Asli mengikut ke pasar.

"Kami memang ke laut membawa anak-anak bersama, berniaga di pasar pun anak-anak akan ikut sama," katanya yang menjual tiram dan kupang.

Sementara itu, peniaga Murad Cat, 36, berharap kerajaan atau pihak berkaitan dapat membantu mereka dari segi penambahbaikan peralatan.

Katanya, enjin dan bot fiber yang digunakannya sudah berusia, sekali gus menyukarkannya ke laut.

"Saiz bot fiber sesuai untuk ke laut adalah lima meter, tetapi saya tidak mampu beli.

"Sekarang, saya hanya guna bot fiber terpakai bersaiz empat meter yang dibeli beberapa tahun dulu.

"Anak hanya mencari hasil laut berdekatan dengan menggunakan sampian dan dayung sahaja kerana tidak mampu membeli bot dan enjin," katanya.